



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 18 APRIL 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 18 April 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **1,427 kes** (353,822 kes kumulatif, 94.3%);
- Kes baharu : **2,195 kes** (375,054 kes kumulatif);
- Kes import : **10 kes** (2 warganegara, 8 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **2,185 kes** [1,837 warganegara (84.1%); 348 bukan warganegara (15.9%)];
- Kes aktif : **19,854 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **219 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **90 kes**; dan
- Kes kematian : **8 kes** (1,378 kes kumulatif, 0.37%; 8 warganegara).

Pada hari ini, Sarawak melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **508 kes (23.1 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **372 kes (73.2 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Selangor sebanyak **431 kes (19.6 peratus)** dan Johor sebanyak **387 kes (17.6 peratus)**.

Sebanyak **18 kes (0.8 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang membabitkan Kluster Jalan Salleh (11 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (5 kes), Kluster Tembok Sri Aman (1 kes), dan Kluster DTI Lenggeng (1 kes).

Terdapat lapan (8) kes kematian pada hari ini yang melibatkan masing-masing dua (2) kes di Selangor dan Kelantan, serta masing-masing satu (1) kes di Sarawak, Sabah, Pulau Pinang, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kesemua kes melibatkan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut

negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 18 April 2021:

- Jumlah kluster : **1,520 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **5 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,182 kluster** (termasuk **14 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster D Gana, Kluster Jalan Permas Baru, Kluster Buloh Pasi, Kluster Sena, Kluster Industri Inanam, Kluster Perusahaan 10, Kluster Tapak Bina Queens Waterfront, Kluster Sungai Bakong, Kluster Jalan Kayu Manis, Kluster Dataran Utas, Kluster Bukit Tambun, Kluster Jalan Lapan Belas, Kluster Jalan Sutera, dan Kluster Jalan Green**);
- Jumlah kluster aktif : **338 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **64 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Jalan Perindustrian Satu**

(249 kes), Kluster Kok Lanas (74 kes), dan Kluster Kampung Bunut Sarang Burung (43 kes).

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **lima (5) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan tiga (3) kluster tempat kerja, dan masing-masing satu (1) kluster komuniti dan kluster sekolah/ institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Selat Klang	Selangor	Tempat Kerja
2	Tapak Bina Cahaya Alam	Selangor	Tempat Kerja
3	Jalan Perindustrian Satu	Johor	Tempat Kerja
4	Tarat Tani	Sarawak	Komuniti
5	Jalan Bintulu Sibul	Sarawak	Sekolah / Institusi Pendidikan KPM

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

18 April 2021 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 18 APRIL 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	431 (3)	123,589
SABAH	112	56,785
JOHOR	387 (2)	43,316
WP KUALA LUMPUR	176 (5)	40,092
SARAWAK	508	23,940
PULAU PINANG	84	18,284
NEGERI SEMBILAN	42	17,915
PERAK	35	14,061
KEDAH	30	9,081
KELANTAN	332	8,448
MELAKA	15	6,902
PAHANG	15	4,695
TERENGGANU	16	3,895
WP LABUAN	6	2,427
WP PUTRAJAYA	3	1,275
PERLIS	3	349
JUMLAH KESELURUHAN	2,195 (10)	375,054

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 2,195 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 18 April 2021 adalah seperti berikut:

- **Sarawak: 508 kes**

- 57 kes daripada kluster-kluster, termasuk tiga (3) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tarat Tani dan Kluster Jalan Bintulu Sibul**;
- 315 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 136 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 431 kes**

- 18 kes daripada kluster-kluster, termasuk empat (4) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Selat Klang dan Kluster Tapak Bina Cahaya Alam**;
- 294 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Tiga (3) kes import dari luar negara; dan
- 116 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 387 kes**

- 285 kes daripada kluster-kluster, termasuk 249 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Perindustrian Satu**;

- 68 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 32 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 332 kes**
 - 177 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 120 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 35 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 176 kes**
 - Lapan (8) kes daripada kluster sedia ada;
 - 91 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Lima (5) kes import dari luar negara; dan
 - 72 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 112 kes**
 - 36 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 56 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 20 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 84 kes**
 - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 27 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 49 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 42 kes**
 - 20 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 15 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 35 kes**
 - 19 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 30 kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 15 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: 16 kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan

- Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: 15 kes**
 - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pahang: 15 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Enam (6) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Tiga (3) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perlis: Tiga (3) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan lapan (8) kes kematian pada 18 April 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1371	Sarawak	Lelaki (WN)	59	Hospital Sibul	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, buah pinggang kronik, jantung, dan gout
1372	Sabah	Lelaki (WN)	69	Hospital Lahad Datu	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, gout, dan penyakit paru-paru obstruktif kronik
1373	Kelantan	Lelaki (WN)	77	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit darah tinggi dan jantung
1374	Selangor	Lelaki (WN)	90	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit strok
1375	Kelantan	Perempuan (WN)	72	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1376	Selangor	Lelaki (WN)	37	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis dan dislipidemia
1377	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	79	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
1378	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	65	Hospital Pulau Pinang	Penyakit kencing manis

*WN merujuk kepada warganegara.

Perincian lima (5) kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER SELAT KLANG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang dan Petaling di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-364349) dilaporkan positif COVID-19 pada 14 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah syarikat yang terletak di Jalan Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang, Selangor. Sehingga 18 April 2021, sejumlah 101 individu telah disaring, di mana **25 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER TAPAK BINA CAHAYA ALAM

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 10 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak bina yang terletak di Cahaya Alam, Shah Alam. Sehingga 18 April 2021, sejumlah 203 individu telah disaring, di mana **20 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER JALAN PERINDUSTRIAN SATU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Muar di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 14 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja beberapa buah kilang yang tinggal di Jalan Perindustrian 1, Batu 8, Kawasan Perindustrian Bukit Bakri, Muar. Sehingga 18 April 2021, sejumlah 980 individu telah disaring, di mana **254 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER TARAT TANI

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Serian di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-360369) dilaporkan positif COVID-19 pada 11 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks iaitu di Tarat, Serian. Sehingga 18 April 2021, sejumlah 320 individu telah disaring, di mana **21 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER JALAN BINTULU SIBU

Kluster sekolah/ institusi pendidikan KPM ini melibatkan daerah Tatau dan Bintulu di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-356866) dilaporkan positif COVID-19 pada 9 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pelajar-

pelajar dan kakitangan sebuah pusat pendidikan yang terletak di Jalan Bintulu Sibul, Tatau. Sehingga 18 April 2021, sejumlah 546 individu telah disaring, di mana **11 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.